



PANGKALAN feri Butterworth pada tahun 1960-an.

DULU & KINI

Zulfa Mohamad
renanca@hmetro.com.my

Pembinaan Penang Sentral dijangka merancakkan semula Butterworth

Sekitar tahun 1950-an, Butterworth yang dikenali sebagai Bagan dalam kalangan penduduk tempatan pernah menjadi pusat sehenti bagi pengangkutan darat dan air berikutan lokasinya berhampiran sungai dan laut.

Bagan yang bermakna pekan atau pangkalan pernah menjadi lokasi penting di Seberang Perai yang ketika itu dikenali sebagai Province Wellesley kerana turut menempatkan pejabat pentadbiran kerajaan.

Ketika itu sampan

tambang menjadi pengangkutan utama penduduk untuk menjalankan urusan harian sebelum diikuti kemudahan seperti bas, teksi, kereta api dan feri.

Kemeriahian Bagan sebagai pusat sehenti dan pentadbiran berlarutan sehingga 1990-an sebelum dilihat seolah-olah mati selepas pemindahan pejabat pentadbiran ke Kepala Batas selain kebakaran Kompleks Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) yang turut menempatkan terminal bas pada 2001.


Penduduk asal Bagan Dalam Abdul Jalil Md Noor, 70, berkata, Bagan mengalami proses transformasi terutama dari segi kemudahan

DULU



SAMPAN tambang menjadi pengangkutan utama penduduk Ujong Batu untuk ke Prai sekitar 1950-an.

BAGAN BAKAL BANGKIT SEMULA



JAMBATAN yang dibina untuk ke Prai menyebabkan khidmat sampan tambang tidak digunakan lagi.



DIKENALI sebagai Pangkalan Feri Raja Tun Uda yang menyediakan kemudahan lebih selesa.



KILANG memproses bijih yang dibina sekitar 1960-an di Butterworth terletak berhampiran stesen bas.



TERMINAL bas sementara lebih selesa dibina selepas kebakaran Kompleks SPPP yang turut menempatkan stesen bas pada 2001.



KOMPLEKS Penang Sentral yang bakal menjadi hab pengangkutan awam termasuk feri, bas dan kereta api serta pasar raya sedang dalam pembinaan.



BANGUNAN asal di Jalan Pantai, Butterworth, masih kekal seperti dirakamkan kira-kira 50 tahun lalu (gambar kecil).

pengangkutan walaupun peranannya agak malap selepas kebakaran Kompleks SPPP.

“Sekitar 1950-an, kebanyakan penduduk menggunakan sampan tambang dengan bayaran 10

sen dari Ujung Batu ke Prai sebelum menaiki kereta api.

“Perkhidmatan bas awam dan teksi memang ada, tapi tidak begitu rancak sehingga era 1990-an apabila



Saya yakin Butterworth akan kembali rancak sebagai pusat sehenti dan transit bagi pelancong asing dan domestik

ABDUL JALIL MD NOOR, 70

PENDUDUK ASAL BAGAN DALAM

Butterworth menjadi pusat sehenti dan pusat transit ke negeri jiran,” katanya.

Selain Masjid Jamek Bagan Dalam yang sudah tiga kali menjalani proses naik taraf, beberapa bangunan dan prasarana lain masih kekal hingga kini dengan diberi sentuhan baru seperti kilang bijih, bangunan sepanjang Jalan Pantai, Jalan New Ferry, Jalan Siram dan Jalan Wood.

Abdul Jalil berkata, walaupun Butterworth pernah ‘mati’ selepas 2000, namun ia dijangka ‘hidup’ semula susulan pembinaan kompleks baru yang menempatkan terminal pengangkutan awam dinamakan Penang Sentral.

Katanya, apabila siap kelak, Penang Sentral yang turut mempunyai pusat beli-belah baru akan kembali meriah kerana semua kemudahan pengangkutan awam ditempatkan di situ.

“Sampan tambang sudah tiada kerana digantikan dengan Lingkaran Luar Butterworth manakala kemudahan teksi, bas dan feri pula dinaik taraf dari semasa ke semasa,” katanya.